



## **KRETAM HOLDINGS BERHAD GROUP**

### **KERAHSIAAN**

Pelanggan dan pihak-pihak lain yang ada perniagaan dengan KHB mengamanahkan Syarikat dengan maklumat penting yang berkaitan dengan perniagaan mereka. Adalah menjadi dasar KHB bahawa semua maklumat yang dianggap sulit tidak akan didedahkan kepada pihak luar atau pekerja tanpa keperluan "perlu tahu." Jika pekerja tidak pasti sama ada maklumat tertentu dianggap sulit, dia perlu merujuk kepada penyeliaanya yang terdekat.

Maklumat dan dokumen sulit diedarkan hanya kepada penerima yang ditujukan atau penerima melalui surat atau e-mel dan penerima atau penerima-penerima mempunyai kewajipan untuk tidak berkongsi atau mendedahkan kepada mana-mana pihak lain. Dasar ini adalah bertujuan untuk memberi peringatan kepada kakitangan mengenai keperluan untuk menggunakan budi bicara pada setiap masa dan tidak bertujuan untuk menghalang komunikasi perniagaan biasa. Fail sulit dan dokumen hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan dikunci apabila tidak digunakan.

Sebarang permintaan daripada pihak luar memerlukan kelulusan daripada Pengarah. Semua pertanyaan daripada media mestilah dirujuk kepada para Pengarah.

  
\_\_\_\_\_  
Datuk Freddy Lim Nyuk Sang  
(Chief Executive Officer)

3 January 2017